



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
PALACE OF JUSTICE
PRECINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500
03-8880 3700
03-8880 3900
Fax : 03-8880 3886

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : 13 JUN 2005

Pesuruhjaya Sumpah
Semenanjung Malaysia
Sabah/Sarawak

Tuan /Puan,

LARANGAN MELAKUKAN SALINAN DIAKUI SAH PADA SEBARANG DOKUMEN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk pengetahuan tuan/puan, adalah dijelaskan disini bahawa **Pesuruhjaya Sumpah tidak diberi kuasa untuk mengakui sahkan mana-mana dokumen**. Dilampirkan disini **peruntukan** yang menerangkan tentang bidang kuasa Pesuruhjaya Sumpah iaitu Kaeadaah 11 (bagi Peguambela dan peguamcara) dan Kaeadaah 12 (bagi Orang Awam atau Persendirian) , Kaeadaah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993.
3. Walaubagaimanapun, Pesuruhjaya sumpah adalah dibenarkan menerima akuan berkanun yang ditandatangani sendiri oleh pemilik dokumen yang mengakui bahawa salinan dokumen tersebut adalah benar dari dokumen asal.
4. Sila ambil perhatian bahawa **sebarang perlenggaran pada Kaeadaah-Kaedah Pesuruhjaya sumpah 1993, boleh mengakibatkan perlantikan Pesuruhjaya Sumpah dibatalkan dengan serta-merta**.

-2-

Sekian.Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

saya yang menrut perintah,



(TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT)

Pendaftar

Mahkamah Tinggi Malaya

(Menjalankan Tugas-Tugas Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia)

PUTRAJAYA

lamp.